



Ruj.Kami: Prk.ML.32/105B-4 (S3)
Tarikh : 23 Disember 2011

Pengarah
Jabatan Perikanan Pulau Pinang
PULAU PINANG

Tuan,

**DASAR BARU DAN PROSEDUR PELESENAN JABATAN PERIKANAN
(PEKELILING CAWANGAN PELESENAN – DISEMBER 1/2011)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama dengan ini disertakan Pekeliling Cawangan Pelesenan Disember 1/2011 mengenai pelaksanaan dasar baru bagi Pukat Kenka Satu (1) bot.

3. Selaras dengan itu, Dato'/Tuan diminta untuk membuat makluman dan hebahan kepada setiap pihak berkepentingan mengenai dasar baru ini yang akan dilaksanakan sepenuhnya **SERTA MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

4. Kerjasama dan tindakan dari pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HJ. GULAMSARWAR BIN JAN MOHAMMAD)
Pengarah
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber
b.p Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k

Y.H. Dato' Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y. Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Semua Pengarah Bahagian

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Semua Pegawai Perikanan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

PEKELILING DASAR DAN PROSEDUR PELESENAN JABATAN PERIKANAN (PEKELILING CAWANGAN PELESENAN – DISEMBER 1/2011)

1.0 TUJUAN PEKELILING

Pekeliling Cawangan Pelesenan ini bertujuan memaklumkan dasar baru ke atas dasar dan prosedur pelesenan sedia ada untuk pelaksanaan. Dasar baru yang dimaksudkan ialah berkaitan Pukat Kenka Satu (1) bot.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1. Sejak Dasar Pelesenan Baru diperkenalkan pada tahun 1982, Jabatan sentiasa menambah baik dasar dan prosedur pelesenan selari dengan perkembangan industri.

2.2. Pengemaskinian dasar dan prosedur pelesenan ini perlu bagi memastikan sumber perikanan terus mapan dan seterusnya menjadi salah satu nadi penggerak ekonomi Negara.

2.3. Pemantapan syarat-syarat di dalam buku lesen vesel dan peralatan menangkap ikan juga menjadi salah satu agenda utama dalam membantu menangani atau mengurangkan aduan dan isu-isu berkaitan perikanan terutamanya dengan wujudnya pelbagai modifikasi peralatan menangkap ikan yang kian mencabar industri dan kewibawaan kakitangan Jabatan.

3.0 TUJUAN PINDAAN

3.1 Menangani aduan dan bantahan dikemukakan oleh nelayan-nelayan yang menjadi mangsa.

3.2 Memastikan kelestarian sumber perikanan terus terpelihara sehingga generasi akan datang.

- 3.3 Memperkemas lagi syarat-syarat di dalam buku lesen vesel dan peralatan menangkap ikan bagi menjadikannya sebagai salah satu kaedah pengawalan salahlaku di laut dengan secara tidak langsung.

4.0 DASAR BARU

- 4.1 Tidak meluluskan atau membekukan permohonan unit baru;
- 4.2 Tidak meluluskan permohonan pertukaran lesen peralatan menangkap ikan pukat hanyut kepada pukat kenka satu bot sebagai peralatan utama atau tambahan;
- 4.3 Pengekalan kuota sedia ada bagi kenka satu bot iaitu sebanyak 54 unit;
- 4.4 Peralatan pukat kenka satu bot ini hanya dibenarkan di kawasan Sungai Udang dan Kampung Bakau Tua, Pulau Pinang;
-
- 4.5 Pindah milik vesel yang menggunakan peralatan menangkap ikan pukat kenka satu bot hanya dibenarkan di kalangan ahli keluarga terdekat sahaja iaitu dikalangan bapa, anak, suami atau isteri.

5.0 Pekeliling ini berkuatkuasa dengan **SERTA MERTA.**